

KANGAR, 4 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan Malaysia dan rakyat beragama Islam menjadi contoh kepada negara-negara serta umat Islam di seluruh dunia dengan membuktikan bahawa Islam adalah agama kejayaan di dunia dan akhirat.

Perdana Menteri berkata bagi mencapai matlamat itu umat Islam di negara ini perlu mengetepikan pandangan dan tafsiran sempit terhadap ibadat, kandungan al-Quran, hadis dan sunnah.

+Yang menyebabkan kita mundur dan dipandang rendah bukan al-Quran dan hadis tetapi tafsiran-tafsiran yang dibuat oleh orang tertentu yang berkepentingan sendiri,+ kata beliau semasa merasmikan tilawah al-Quran peringkat kebangsaan ke-35 di sini, malam ini.

Katanya, sikap umat Islam di Malaysia tidak banyak berbeza dengan sikap umat Islam di negara-negara lain kerana masih ada kumpulan tertentu yang giat berusaha mengembangkan ajaran anti kemajuan sekiranya ada usaha dilakukan ke arah kemajuan.

Bagaimanapun, beliau bangga kerana Malaysia berjaya menjadi negara contoh kepada dunia ketiga walaupun kumpulan-kumpulan tersebut giat menjalankan usaha mereka. -- Lagi

▼04/01/19-52MST

CNS0723

U GB 04-01 00148 BH217

bah

Mahathir - Tilawah 2 Kangar

Perdana Menteri berkata ini terbukti melalui kedatangan pemimpin negara-negara lain untuk mempelajari cara-cara Malaysia membangunkan negara.

Mengenai usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020, beliau berkata mempunyai wawasan sahaja tidak cukup untuk menentukan kejayaan tanpa memberi penekanan kepada ciri-ciri tertentu seperti kegigihan dan kejujuran serta nilai-nilai moral yang lain.

Untuk itu, kata Dr Mahathir, umat Islam di negara ini perlu mencontohi sikap Nabi Muhammad yang jujur dan gigih bagi memastikan kejayaan dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

Hanya dengan memiliki ciri-ciri tersebut masyarakat Islam di negara ini dapat mengambil bahagian dalam proses kemajuan dan menjadi satu umat yang maju dan setanding dengan bangsa dan kaum lain.

+Dengan itu akan terpulihlah imej agama Islam dan umat Islam yang telah hilang semenjak zaman kegemilangan Islam beratus tahun dahulu.+ -- Lagi

▼04/01/19-53MST

CNS0724

U GB 04-01 00148 BH218

bah

Mahathir - Tilawah 3 Kangar

Beliau berkata umat Islam yang mundur dalam ilmu duniawi yang ditekankan oleh Islam sama seperti ilmu akhirat tidak mungkin memajukan Islam seperti zaman kegemilangannya dahulu.

Selaras dengan tema tilawah +Wawasan Memajukan Ummah+, Dr Mahathir berkata umat Islam di Malaysia perlu berusaha menghayati ajaran Islam sebenar, yang menuntut supaya mereka mengejar kemajuan dunia bersama dengan kebahagiaan akhirat.

+Wawasan 2020 yang akan meletakkan rakyat Malaysia sebagai rakyat yang maju menepati ajaran Islam. Yang dituntut ialah kemajuan ilmu, kecekapan dan kebolehan menguruskan harta kekayaan supaya kita dapat melindungi Islam daripada dihina seperti yang kita lihat sekarang,+ kata beliau.

Perdana Menteri kesal kerana umat Islam negara ini masih lemah daripada segi penguasaan ilmu, terutama dalam bidang perdagangan, perusahaan, sains dan teknologi, walaupun menyedari ia perlu bagi membangunkan negara dan mencapai hasrat Wawasan 2020. -- Lagi

Oleh kerana itu, beliau menegaskan tentang pentingnya umat Islam tidak hanya menjadi pengguna tetapi sebaliknya berusaha menjadi pencipta dan pengeluar pelbagai keperluan hidup bagi mengelakkan daripada dikuasai oleh pembekal.

Di samping itu, Dr Mahathir kesal kerana ramai di kalangan umat Islam yang masih percaya bahawa umat yang miskin mempunyai iman yang lebih kukuh dan menganggap sebarang usaha untuk menjayakan orang Islam di dunia dianggap tidak penting dan bertentangan dengan agama.

+Tidak hairanlah jika kita dapati di seluruh dunia tidak ada satupun masyarakat Islam atau negara Islam yang maju daripada segi ekonomi atau kecekapan dalam bidang pembuatan dan pemasaran.+

Jika adapun yang kaya, katanya, ianya adalah hasil sumber yang dikurniakan oleh Tuhan dan mereka terpaksa bergantung kepada pihak lain untuk mengeluarkan kekayaan tersebut serta tidak mampu mertadbirkannya untuk manfaat sendiri atau bagi umat Islam lain.

+Kerap kali juga kekayaan ini digunakan untuk permusuhan sesama orang Islam sendiri,+ kata beliau. -- Lagi

▼04/01/20-06MST

CNS0730

U GB 04-01 00127 BH220

bah

Mahathir - Tilawah 5 Kangar

Mengenai seminar al-Quran sempena majlis Tilawah, Perdana Menteri berkata ia penting bagi mendalami isi kandungan al-Quran dan mengukuhkan lagi keyakinan ummah melalui penghayatan ajaran sebenar dalam kehidupan seharian.

Menurutnya, usaha itu perlu dilakukan bagi memperbetulkan pelbagai tafsiran tidak tepat yang dilakukan pada masa lampau.

Beliau mengingatkan umat Islam bahawa al-Quran yang ditafsir dengan betul tidak akan menghalang kemajuan umat sepertimana ia tidak menghalang kemajuan umat Islam dahulu dan dengan itu tidak akan menjadikan mereka lemah dan dihina seperti yang berlaku sekarang.

Justeru itu beliau berharap semua pihak akan menjadikan al-Quran bersama hadis yang sahih sebagai panduan hidup yang seimbang di dunia dan akhirat dan bukan setakat disimpan sahaja. -- Lagi

▼04/01/20-07MST

CNS0732

U GB 04-01 00157 BH221

bah

Mahathir - Tilawah 6 (Akhir) Kangar

Menteri Perusahaan Awam Datuk Dr Yusoff Noor, yang juga Pengerusi Jawatankuasa tilawah itu dalam ucapannya, berkata masyarakat Islam harus peka dengan perubahan dalam semua bidang untuk mencapai kemajuan.

Katanya mana-mana pihak tidak perlu takut kepada perubahan kerana sesuatu perubahan itu merupakan kunci kejayaan.

Menteri Besar Perlis, Dr Abdul Hamid Pawanteh dalam ucapannya selaku tuan rumah tilawah itu berkata penduduk Perlis mendokong kefahaman bahawa al-Quran khasnya dan Islam amnya ke arah pemikiran dan jiwa Muslim yang sabar, bijaksana, toleransi, penyayang dan liberal.

Sebanyak 27 qari dan qariah mewakili semua negeri akan mengambil bahagian dalam tilawah selama lima hari yang akan berakhir 8 Jan. Kelantan hanya menghantar qari.

Jurucakap jawatankuasa tilawah berkata johan menunggu tahun lalu, Haji Mohamad Awang Teh (qari) dari Terengganu dan johan qariah Puan Hajah Rahmas binti Abdullah dari Johor tidak menyertai tilawah tahun ini. -- Bernama